



Powering Communications

Publication : **Berita Harian (Komputer)**
Title : **NGC Systems sertai teknologi OpenCall HP**
Date : **28 January 2004, Wednesday**

Malaysia terus menempatkan dirinya sebagai antara negara unggul di Asia Tenggara yang menyediakan system telekomunikasi bertaraf dunia apabila syarikat tempatan, NGC Systems Sdn Bhd (NGC) menyertai teknologi OpenCall Hewlett-Packard (HP) Asia Pasifik.

OpenCall HP adalah rangkaian lengkap platform penyedia bagi pembangunan dan penggunaan suara serta data generasi masa depan selain perkhidmatan penggabungan yang menyambungkannya ke sebarang sistem rangkaian sekali gus membolehkan pengguna berkomunikasi, akses maklumat dan mengendalikan urus niaga dalam semua jenis prasarana.

Pengarah Urusan NGC, Dato' Goh Kian Seng berkata, penggunaan teknologi ini menjadikan NGC sebagai rakan ISV HP pertama di rantau Asean yang eksklusif menjuruskan kepada rumusan Sistem Rangkaian Generasi Masa Depan (NGN) melalui produk NGC Genico™.

Katanya, pembabitan ini sekali gus meletakkan kepakaran tempatan khususnya kakitangan NGC setaraf dengan syarikat teknologi pembangunan dan teknologi (R&D) lain sama ada di rantau Asia Pasifik, Eropah dan Amerika Syarikat (AS).

Beliau berkata demikian pada majlis perjanjian persefahaman (MoU) antara HP dan NGC di Petaling Jaya, Rabu lalu.